

## TARIAN ETNIK SULUK



### Tarian Pengalai Suluk

Tarian ini ditarikan dengan menggayakan burung yang terbang. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah empat orang, dua orang penari lelaki dan dua

orang penari perempuan. Pakaian yang dipakaikan oleh penari dikenali sebagai “butawi”.

Alat muzik yang digunakan ialah agung (dua buah gong), kulintangan, tambul, dan gendang. Tarian Pengalai Suluk ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu luar.

